



Headline: Hilang RM152,000 diperdaya 'polis', 'kakitangan TM'  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 29 October 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 16

# Hilang RM152,000 diperdaya 'polis', 'kakitangan TM'

**Kuala Terengganu:** Seorang pesara berputih mata apabila wang simpanannya RM152,500 lesap selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai polis dan kakitangan Telekom Malaysia (TM).

Kejadian bermula apabila mangsa pada 15 Oktober lalu menerima panggilan telefon daripada 'pegawai TM' memaklumkan mempunyai tunggakan bil telefon yang didaftarkan atas namanya sebanyak RM380.

Sumber berkata, warga emas berusia 62 tahun itu yang terkejut dimaklumkan demikian menafikan dia mempunyai tunggakan bil telefon, sebelum talian disambungkan kononnya ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur untuk membuat laporan namanya disalah guna.

"Sebaik talian disambungkan, mangsa bercakap dengan seorang wanita yang memperkenalkan dirinya sebagai 'Sarjan Nurmila' yang turut meminta maklumat peribadi mangsa kononnya untuk membuat laporan kes penyalahgunaan nama.

lahgunaan nama.

"Tidak lama kemudian, 'Sarjan Nurmila' memaklumkan mangsa terbabat dengan kes perubahan wang haram bernilai RM1.5 juta dengan penjenayah bernama 'Jimmy Wong'," katanya.

Kata sumber, suspek kemudian meminta mangsa memberi maklumat bank untuk membekukan aset atas kesalahan jenayah itu.

"Panggilan kemudian disambungkan kepada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai 'Inspektor Saiful' yang meminta mangsa membuka satu akaun sementara di mahkamah bagi membuat pemindahan wang ke dalam akaun suspek bagi tujuan siasatan," katanya.

Menurut sumber, mangsa turut diberitahu selepas pemindahan wang dilakukan, Bank Negara akan mengambil masa selama 24 jam untuk menjalankan penyiasatan terhadap akaun banknya.

"Disebabkan ketakutan, mangsa tanpa berlengah memindahkan lebih RM100,000 wang daripada akaun banknya ke dalam akaun bank diberikan suspek.

bank diberikan suspek.

"Malah tidak cukup itu, suspek turut meminta mangsa menyedhiakan wang RM30,000 lagi dan sekiranya gagal, waran tangkap akan dikeluarkan. Mangsa yang panik sanggup meminjam wang dengan adiknya.

"Suspek turut meminta mangsa

**Warga emas berusia 62 tahun itu menafikan dia mempunyai tunggakan bil telefon, sebelum talian disambungkan kononnya ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur untuk membuat laporan namanya disalah guna.**

**Sumber**

mengeluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan mangsa yang masih belum mengesyaki apa-apa memindahkan sejumlah RM21,000 ke akaun bank suspek," katanya.

Sumber berkata, selepas melakukakan transaksi itu, warga emas berkenaan menyedari dia ditipu selepas sejumlah RM152,500 wangnya lesap, lalu membuat laporan polis kelmarin untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Terengganu, Deputy Superintendan Hamdan Zali ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Di **Kepala Batas**, seorang pesara guru sanggup menyerahkan semua wang simpanannya berjumlah RM72,500 demi membersihkan nama daripada 'rekod' dadah dan perubahan wang haram.

Bagaimanapun, tindakannya itu memakan diri apabila semua wangnya lesap ditipu sindiket Ma-

cau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank dan polis.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata sebelum itu mangsa berusia lingkungan 60-an menerima panggilan telefon memaklumkan dia mempunyai tunggakan pinjaman peribadi.

"Pada mulanya wanita itu menafikannya sebelum panggilan disambungkan ke 'Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan' yang memberitahu bahawa semakan kad pengenalan mendapati terbabit dengan kes dadah dan perubahan wang haram.

"Mangsa kemudian diminta untuk memindahkan semua wang ke dalam akaun yang diberikan, kononnya bagi tujuan siasatan dan akan dikembalikan semula selepas kes selesai.

"Kerana terlalu takut, mangsa terpedaya dan memasukkan sejumlah wang sehingga RM72,500 secara berperingkat," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.